

04 DEC 2000

Mahathir-Sekolah

EKSTREMIS CINA CUBA HALANG PROSES SATU PADU RAKYAT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata golongan pendidik Cina yang ekstremis yang menolak konsep Sekolah Wawasan sebenarnya menentang proses menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan meneruskan Sekolah Wawasan ke arah menyatupadukan rakyat negara ini sejak di peringkat sekolah.

"Kita berpendapat Sekolah Wawasan tidak menghalang kemajuan sekolah-sekolah Cina di Malaysia. Konsep Sekolah Wawasan adalah untuk perpaduan rakyat, tidak ada kena mengena dengan bahasa Cina, sekolah Cina," katanya kepada pemberita selepas melancarkan perkhidmatan Internet Arcnet NTT MSC di sini.

Dr Mahathir berkata puak ekstremis pendidik Cina itu sebenarnya bukan mempertahankan bahasa Cina atau pelajaran dalam bahasa Cina kerana kerajaan telah memberi jaminan mengenai perkara itu bahkan telahpun meminda Akta Pendidikan bagi menarik balik kuasa Menteri Pendidikan untuk menukar sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan.

Sekolah Wawasan ialah satu konsep yang menempatkan sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil dalam satu kawasan dan pelajarinya menggunakan kemudahan sekolah secara bersama.

Bagaimanapun setiap sekolah akan terus menggunakan bahasa pengantar masing-masing -- Kebangsaan (Bahasa Melayu), Cina (Mandarin) dan Tamil untuk SRJK Tamil.

Ekoran kebimbangan beberapa pihak dalam masyarakat Cina, kerajaan telah memberi jaminan bahawa ia tidak akan menjejaskan identiti sekolah-sekolah terbabit sebaliknya bertujuan mempereratkan hubungan kaum melalui interaksi yang lebih banyak di kalangan para pelajar daripada pelbagai kaum.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tahu bahawa sekarang terdapat keperluan untuk mendirikan banyak sekolah Cina yang baru di negara ini kerana penambahan bilangan penduduk daripada keturunan Cina.

"Jadi kita kena ada sekolah dan di masa yang sama kita fikir masa depan negara kita iaitu rakyat daripada pelbagai kaum dapat mula hidup bersama di peringkat sekolah lagi," katanya.

Beliau berkata bahawa dengan cara demikian, rakyat berbilang kaum di negara ini dapat menjalin hubungan yang baik.

Perdana Menteri juga berkata beliau akan terus menegur golongan ekstremis di negara ini, sama ada daripada kaum Melayu, Cina atau India kerana Malaysia tidak mempunyai tempat kepada ekstremis.

Beliau berkata, golongan pendidik Cina yang ekstremis itu merupakan kumpulan kecil tetapi mereka telah bertindak seolah-olah hendak mengugut kerajaan.

Dr Mahathir berkata golongan itu juga seolah-olah tidak mengakui bahawa mereka adalah rakyat Malaysia dan perlu berdamping dengan rakyat Malaysia daripada keturunan yang lain.

Katanya mereka hendak supaya segala-galanya diasingkan, sekolah-sekolah Cina diasingkan daripada sekolah-sekolah lain, sehingga sekolah Cina menjadi sekolah asing, bukan sekolah dalam Malaysia.

"Sekolah Cina di Malaysia adalah sekolah Malaysia, walaupun menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak akan membatalkan Sekolah Wawasan sebagaimana ia tidak membatalkan rancangan supaya penuntut-penuntut universiti daripada pelbagai kaum di negara ini tinggal bersama kerana ia

juga merupakan sebahagian daripada proses integrasi.
-- BERNAMA
AFY AHH MAI